



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK PERTENGAHAN TAHUN

*REPORT OF THE
MID-YEAR POPULATION ESTIMATES*

2019



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK PERTENGahan TAHUN 2019

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengeluarkan **Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019** yang memberikan anggaran jumlah penduduk dan ciri-ciri utama demografi penduduk Negara Brunei Darussalam pada pertengahan tahun 2019. Pengiraan anggaran ini adalah berdasarkan data muktamad Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016 dan mengambilkira komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran dan kematian bagi kenaikan semulajadi (*natural increase*); dan penghijrahan bersih (*net migration*).
2. Bagi anggaran untuk tahun 2019, pengiraan bagi penghijrahan bersih (*net migration*) telah dibuat dengan menggunakan data pentadbiran yang bersesuaian dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.
3. Penemuan-penemuan utama bagi Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019 adalah seperti berikut:
 - Anggaran jumlah penduduk pertengahan tahun 2019 bagi Negara Brunei Darussalam adalah seramai 459,500 orang berbanding 442,400 orang pada tahun 2018, iaitu pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus.
 - Jumlah penduduk ini terdiri daripada 244,500 orang lelaki (53.2 peratus) dan 215,000 orang perempuan (46.8 peratus). Nisbah jantina adalah seramai 114 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

- Daripada jumlah penduduk pada tahun 2019, Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 72.2 peratus (331,800 orang), sementara agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 7.3 peratus (33,500 orang) dan 20.5 peratus (94,200 orang).
- Daerah Brunei Muara mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 69.5 peratus (319,500 orang) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh Daerah Belait (16.5 peratus atau 75,900 orang), Daerah Tutong (11.5 peratus atau 52,700 orang) dan Daerah Temburong (2.5 peratus atau 11,400 orang).
- Dari aspek taburan umur, kira-kira 20.6 peratus (94,600 orang) daripada jumlah penduduk adalah berumur di bawah 15 tahun, 74.6 peratus (342,700 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 4.8 peratus (22,200 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2019 adalah 30.6 tahun berbanding 30.4 tahun pada tahun 2018.
- Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini pada kadar 65.8 peratus (302,200 orang) dari jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi dari 10.3 peratus (47,200 orang) dan 24.0 peratus (110,100 orang) dari jumlah penduduk.

4. Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon	:	2230250 atau 2230265 (waktu pejabat)
E-mel	:	info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang	:	www.deps.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

MID-YEAR POPULATION ESTIMATE 2019 REPORT

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) has released the Report of the Mid-Year Population Estimates 2019 which presents the population estimates and key demographic characteristics of Brunei Darussalam's mid-year population in 2019. The compilation for the estimates is based on the final data of the Population and Housing Census Update (KBPP) 2016 and incorporating the major components of population change, that is births and deaths for natural increase, and net migration.*
2. *For the 2019 estimates, the compilation for net migration were made using relevant administrative data from the Immigration and National Registration Department, Ministry of Home Affairs, and the Department of Schools, Ministry of Education.*
3. *The main findings for the Mid-Year Population Estimate 2019 are as follows:*
 - *The mid-year population estimate of Brunei Darussalam for 2019 was 459,500 persons compared to 442,400 persons in 2018. This represented a growth rate of 3.9 per cent.*
 - *The population was made up of 244,500 males (53.2 per cent) and 215,000 females (46.8 per cent). The sex ratio was 114 males for every 100 females.*
 - *Out of the overall total population in 2019, Brunei Citizens accounted for the largest share of 72.2 per cent (331,800 persons), while the shares of the Permanent Residents and Temporary Residents were 7.3 per cent (33,500 persons) and 20.5 per cent (94,200 persons) respectively.*

- *The Brunei Muara District was the most populated district with 69.5 per cent (319,500 persons) of the total population. This was followed by the Belait District (16.5 per cent or 75,900 persons), the Tutong District (11.5 per cent or 52,700 persons), and the Temburong District (2.5 per cent or 11,400 persons).*
 - *From the age distribution aspect, about 20.6 per cent (94,600 persons) of the population were below 15 years of age, 74.6 per cent (342,700 persons) were in the working age group of 15-64 years and 4.8 per cent (22,200 persons) were aged 65 years and over. The median age in 2019 was 30.6 years compared to 30.4 years in 2018.*
 - *The Malays with 65.8 per cent (302,200 persons) of the total population formed the largest community in the country. The racial groups of Chinese and others comprised 10.3 per cent (47,200 persons) and 24.0 per cent (110,100 persons) of the population respectively.*
4. *The Report of the Mid-Year Population Estimates 2019 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	:	2230250 or 2230265 (working hours)
<i>E-mail</i>	:	info.statistics@ipes.gov.bn
<i>Website</i>	:	www.deps.gov.bn